

**Najib Hadiri Taklimat Pembangunan Negeri Johor
Bernama
July 16, 2014**

JOHOR BAHRU, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang hari ini melakukan lawatan kerja di Johor, petang ini menghadiri taklimat pembangunan negeri Johor.

Beliau diiringi Timbalan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Najib yang tiba pada pukul 3.45 petang di Hotel Puteri Pacific, tempat taklimat itu diadakan, yang akan disampaikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor A Rahim Nin.

Taklimat tertutup itu dijangka turut memberi input tentang Rancangan Malaysia Ke-11.

Antara menteri kabinet yang hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Datuk Dr Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong dan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Aziz Kaprawi.

Sesi taklimat itu turut dihadiri barisan pemimpin kerajaan negeri.

Selepas taklimat itu, Najib, yang juga Menteri Kewangan dijadual melancarkan perkhidmatan bas percuma sekitar bandar raya Johor Baharu.

Beliau kemudiannya akan menghadiri majlis berbuka puasa dengan pemimpin kerajaan negeri dan rakyat Johor di Pusat Konvensyen Persada.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053938>